

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**  
**DARIPADA :** **YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN**  
                                 **ATIQULLAH**  
**KAWASAN :** **KUBANG KERIAN**  
**TARIKH :** **30 MAC 2017, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah projek peninggian dan peluasan jalan antara Pasir Tumboh ke Peringat dalam Kawasan Parlimen Kubang Kerian menepati SOP dan spesifikasi yang ditetapkan kerana ia dikatakan telah menjadi antara punca utama berlaku banjir besar di Kampong Guntong Limbat dan sekitarnya baru-baru ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jalan dari Pasir Tumboh ke Peringat itu merupakan sebahagian skop projek Baiki Jalan Kota Bharu – Kuala Terengganu (KM10 - KM21). Projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM74 juta telah dimulakan pada 10 Februari 2015 dan ia dijangka siap pada bulan Ogos 2018. Skop projek ini melibatkan naik taraf jalan sedia ada sepanjang 3.7km kepada 4 lorong 2 hala, menaik taraf 3 jambatan, menaik taraf 3 persimpangan dan kerja-kerja lain yang berkaitan.

Projek ini telah direka bentuk dengan spesifikasi piawaian JKR R5, iaitu pembinaan median jalan dengan kelebaran 2 meter; ‘carriageway’ (3.5 meter), bahu jalan berturap (2 meter); dan bahu jalan tidak berturap (2 meter). Kerja-kerja melebarkan jalan ini dibuat mengikut aras jalan yang sedia ada di mana sebahagian laluan diturap menggunakan teknik ‘overlay premix’. Manakala reka bentuk bagi pembetung dan sistem perparitan pula dibuat dengan mengambil kira faktor jumlah kuantiti air dari permukaan jalan dan juga sebahagian kecil limpahan air buangan dari premis-premis yang berhampiran dengan jalan.

Berdasarkan laporan wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) di tapak, isu limpahan air dan banjir kilat yang berlaku pada akhir tahun lalu (2016) - khususnya di kawasan Guntong dan Limbat - ialah disebabkan oleh taburan hujan lebat luar biasa sehingga mengakibatkan limpahan air dari Sungai Limbat dan Sungai Kemasin ke kawasan berkenaan. Tambahan pula kerja-kerja pembinaan projek jalan ini belum dapat disiapkan sepenuhnya di mana terdapat longkang konkrit yang belum disambungkan ke sungai berhampiran, akibat dari masalah proses pengambilan tanah (lot tertinggal) yang belum diselesaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKR akan mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses pengambilan lot baki tanah yang tertinggal. Di samping itu tindakan proaktif juga akan diambil bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan terlibat, termasuk pemantauan lebih ketat berkaitan isu-isu yang timbul dari pelaksanaan projek ini.

Sekian. Terima kasih.